



KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM

DIRECTOR-GENERAL OF PUBLIC SERVICE

Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia

Public Service Department, Malaysia

Aras 13, Blok C1, Kompleks C

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62510 W.P. PUTRAJAYA

MALAYSIA

Tel: 603-80008000

Faks (Fax): 603-88892187

Laman Web (Web): www.jpa.gov.my

Rujukan : JPA.(S)800-1/1/7 JLD.3(16)

Tarikh : 22 Mei 2023

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Berkanun Persekutuan
Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Berkanun Negeri
Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan

YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan,

PENAMBAHBAIKAN KEMUDAHAN CUTI TANPA REKOD SEMPENA PESTA KAAMATAN DAN HARI GAWAI

Dengan hormatnya saya ingin menarik perhatian YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan kepada perkara di atas.

2. Sebagaimana YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan sedia maklum, Kemudahan Cuti Tanpa Rekod Sempena Pesta Kaamatan dan Hari Gawai telah diperuntukkan melalui Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia (MyPPSM) Ceraian SR.5.3.4.

3. Bagi menambah baik peraturan sedia ada dan memberi perhatian kepada kebajikan pegawai perkhidmatan awam, Kerajaan telah bersetuju supaya Kemudahan Cuti Tanpa Rekod Sempena Pesta Kaamatan dan Hari Gawai dipanjangkan kepada:

- (i) pegawai berketurunan etnik yang menyambut Pesta Kaamatan atau Hari Gawai yang berkhidmat di Semenanjung Malaysia;

- (ii) pegawai yang berketurunan etnik yang menyambut Hari Gawai dan berkhidmat di Sabah/ Wilayah Persekutuan Labuan; dan
- (iii) pegawai yang berketurunan etnik yang menyambut Pesta Kaamatan dan berkhidmat di Sarawak.

4. Penambahbaikan peraturan ini dilaksanakan melalui MyPPSM Ceraian SR.5.3.4 (Kemudahan Cuti Tanpa Rekod Sempena Pesta Kaamatan dan Hari Gawai) seperti di **Lampiran A** berkuat kuasa mulai tarikh surat ini dikeluarkan.


5. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, Ceraian ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' DR. ZULKAPLI BIN MOHAMED)